

Headline	Usaha murni TH bantu calon		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	24	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	641 cm <sup>2</sup>
Journalist	Attirmidzie Rahman	AdValue	RM 22,011
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,033



# Usaha murni TH bantu calon

➔ Seminar yang dianjurkan dengan kerjasama BH beri bimbingan tambahan

Oleh Attirmidzie Rahman  
khairul.anam@bh.com.my

⬅ Pasir Mas

**S**eminar Bimbingan Peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2016 anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH adalah satu usaha murni memberi bimbingan tambahan kepada murid yang bakal menghadapi UPSR tidak lama lagi. Pengarah TH Kelantan, Wahyudin Tamami, berkata seminar itu juga sebagai ilmu tambahan bagi memberi tunjuk ajar dan panduan belajar serta menjawab soalan dengan berkesan kepada murid selain bimbingan yang diberikan pihak sekolah.

Beliau berkata, menerusi seminar itu, TH mahu memastikan setiap calon dapat memperlengkapkan diri dengan secukupnya sebelum mereka menduduki peperiksaan UPSR sebenar menjelang September ini.

"Oleh itu, saya berharap mereka dapat memanfaatkan apa

yang diperoleh dalam seminar ini untuk dijadikan panduan dalam peperiksaan nanti," katanya ketika ditemui selepas merasmikan seminar berkenaan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tendong, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Pengurusan Kurikulum (Sains dan Matematik) Wan Nor Azman Wan Hassan, dan Pengarang Pendidikan BH, Fadzlena Jafar.

## Banyak ilmu tambahan

Seminar itu disertai 273 murid daripada 52 sekolah rendah dalam pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Mas.

Program itu adalah yang kedua dianjurkan selepas diadakan di daerah Pasir Puteh membabitkan calon peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3).

Sementara itu, murid Sekolah

Kebangsaan (SK) Seri Rantau Panjang Satu, Muhamad Danish Hakimi, 12, berkata seminar itu memberi banyak ilmu dan pengetahuan tambahan terutama bagaimana cara menjawab soalan peperiksaan dengan berkesan.

"Ini adalah kali pertama saya menghadiri seminar seperti ini dan segala ilmu yang diajar akan dimanfaatkan pada peperiksaan UPSR nanti," katanya.

Murid SK Othman Talib Dua, Siti Nur Julita Aisyah, 12, melahirkan rasa teruja dan gembira kerana dapat menyertai seminar itu.

"Biasanya saya hanya memperoleh teknik dan panduan untuk menjawab soalan peperiksaan daripada guru sekolah, tetapi kali ini saya diberikan ilmu oleh tenaga pengajar yang dibawa khas oleh pengajur TH dan BH."

"Saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memperoleh keputusan 6A," katanya.

Headline	Usaha murni TH bantu calon		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	24	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	641 cm <sup>2</sup>
Journalist	Attirmidzie Rahman	AdValue	RM 22,011
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,033

**SHAH ALAM, SELANGOR**  
 → 7 - 8 Mei  
 (ditangguhkan ke 20-21 Ogos)  
 (013-3253369 / 012-311 8676 /  
 03-55411 771)

**BANGI, SELANGOR**  
 → 23 - 24 Julai  
 (017-936 6109)

**KISAS, SELANGOR**  
 → (012-779 5557)

**SMKA KUALA SELANGOR**  
 → (012-779 5557)

**KOTA BHARU,  
 KELANTAN**  
 → 5 - 6 Ogos  
 (018-911 6847 /  
 019 - 938 8488)

**SEREMBAN,  
 NEGERI SEMBILAN**  
 → 6 - 7 Ogos  
 (012-638 8449)

**PUTRAJAYA**  
 → 20 - 21 Ogos  
 (013-204 5274)

**KUALA TERENGGANU,**  
 → 26 - 27 Ogos  
 Terengganu  
 (017-974 2600 /  
 017-271 2911)

**KUCHING,  
 SARAWAK**  
 → 27 - 28 Ogos  
 (013-808 8406 /  
 019-818 3804)

**BALAI BERITA,  
 KUALA LUMPUR**  
 → 3 - 4 September  
 (03-20569 863 /  
 03-20569 284)

**BALAI BERITA,  
 KUALA LUMPUR**  
 → 1 - 2 Oktober  
 (03-20569 863 /  
 03-20569 284)

**Seminar  
 PT3 MINDA  
 2016**

**Calon** Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) akan mendapat bimbingan penceramah pakar dan berpengalaman mengenai tip penting menguasai subjek serta menjawab soalan peperiksaan secara berkesan.

Yuran pendaftaran ialah **RM130 untuk dua hari** termasuk makan dan minum tiga kali sehari. BH menanggung Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebanyak RM7.80.

Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi kios pendidikan BH melalui talian telefon: **03-20569 863 / 03-20569 284 (Encik Abd Samah)**. Pendaftaran boleh dilakukan menerusi laman web beralamat: [www.bhpendidikan.com.my](http://www.bhpendidikan.com.my) atau hubungi ejen yang dilantik oleh BH bagi lokasi berikut:

**Info**

- **273 murid** daripada 52 sekolah rendah dalam daerah Pasir Mas
- **Subjek:** Matematik, Sains dan Bahasa Melayu
- **Lokasi:** Dewan SMK Tendong

Headline	Usaha murni TH bantu calon		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	24	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	641 cm <sup>2</sup>
Journalist	Attirmidzie Rahman	AdValue	RM 22,011
Frequency	Daily	PR Value	RM 66,033

**Reaksi**

**Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2016**



TH komited untuk memastikan semua murid yang terbabit dalam seminar tajaan TH memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan mereka”

*Wahyudin Tamami,  
Pengarah TH Kelantan*



Seminar ini amat bagus untuk disertai kerana memberi banyak manfaat berkaitan teknik menjawab soalan”

*Siti Nur Julita Aisyah,  
Murid SK Othman Talib Dua,  
Pasir Mas, Kelantan*




Wahyudin (tengah) bersama-sama dengan sebahagian daripada peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2016 di SMK Tendong, Pasir Mas.